



**KOMPILASI ISU DAN CADANGAN YANG DIBANGKITKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
BAGI TAHUN 2016**

MBJ KKLW

**BUTIRAN PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
TAHUN 2016**

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	Tempat	Pengerusi
1/2016	10 Mac 2016	Bilik Persidangan, Aras 29, KKLW	YBhg. Dato' KSU
2/2016	24 Mei 2016	Kolej KEDA Sik, Kedah	YBrs. SUBK (KP)
3/2016	2 September 2016	Bilik Persidangan, Aras 29, KKLW	YBrs. TKSU (PK)
4/2016	8 November 2016	Bilik Persidangan, Aras 29, KKLW	YBrs. TKSU (PK)

**JUMLAH ISU/CADANGAN MENGIKUT KATEGORI
YANG TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
TAHUN 2016**

KATEGORI ISU	BILANGAN ISU/CADANGAN					
	2015	1/2016	2/2016	3/2016	4/2016	JUMLAH
Elaun dan Kemudahan	-	-	-	-	-	-
Kewangan	-	-	-	-	-	-
Perkhidmatan	-	1	-	-	-	1
Skim Perkhidmatan dan Perjawatan	2	-	1	-	-	3
Kebajikan	-	1	-	-	-	1
Pentadbiran	6	1	4	-	-	11
Hal-hal Lain	4	3	-	1	-	8
JUMLAH	12	6	5	1	-	24

**SENARAI ISU/CADANGAN YANG TELAH DIBINCANGKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
TAHUN 2016**

KATEGORI : ELAUN DAN KEMUDAHAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : -

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN

KATEGORI : KEWANGAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : -

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN

KATEGORI : **PERKHIDMATAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **1**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Cadangan Pihak Pekerja agar Bahagian PSM melaksanakan pusingan kerja melibatkan Kakitangan Sokongan Bahagian/Unit.	<p>Cadangan pelaksanaan pusingan kerja bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di KKLW masih dalam peringkat permurnian dan akan dibincang dengan lebih lanjut bersama pengurusan atasan.</p> <p>Pusingan kerja bagi jawatan-jawatan sensitif di KKLW yang turut melibatkan Ketua Jabatan telah dilaksanakan oleh pihak JPA di sepanjang bulan April lalu.</p> <p>Pusingan kerja akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.</p>	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2016 Tindakan : Bhg. PSM</p>

KATEGORI : **SKIM PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **3**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Cadangan agar diwujudkan jawatan Pereka Gred B17 dan Juruaudio Visual Gred N17 di	Bahagian PSM telah mengemukakan permohonan kepada pihak JPA pada 5	<p>Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2015 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2016</p>

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
	KKLW.	Januari 2016. Walaubagaimanapun, pihak JPA memaklumkan bahawa selaras dengan dasar semasa JPA, sebarang pewujudan jawatan baharu adalah tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (trade off). Bahagian PSM akan mengemukakan kembali permohonan ini kepada pihak JPA bersekali dengan Cadangan Penyusunan Semula Struktur Organisasi dan Pengukuhan Perjawatan KKLW.	Tindakan : Bhg. PSM
2.	Jawatan di URR bagi sistem DDMS.	Bahagian PSM telah menganjurkan Mesyuarat Bebanan dan Agihan Tugas Bagi Urusan DDMS yang diadakan pada 27 Januari 2016 bagi membincangkan mengenai penstrukturan semula untuk memantapkan pelaksanaan DDMS.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2015 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2016 Tindakan : Bhg. PSM & Bhg. P
3.	Kenaikan pangkat jawatan Pemandu Kenderaan dan Pembantu Operasi.	Urusan kenaikan pangkat daripada Gred H11 ke Gred H14 masih belum dapat dilaksanakan secara Time Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) kerana tempoh 13 tahun perkhidmatan adalah berkuat kuasa mulai tarikh opsyen penerimaan oleh pegawai yang terlibat. Oleh itu, pegawai perlu mencapai 13 tahun perkhidmatan di Gred H11 sebelum layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara TBBK ke Gred H14.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2016 Tindakan : Bhg. PSM

KATEGORI : **KEBAJIKAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **1**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Pihak Pekerja memohon maklum balas terkini berkaitan pelaksanaan kemudahan TASKA kepada Kakitangan KKLW.	Bahagian P telah membentangkan cadangan penubuhan TASKA KKLW dalam Mesyuarat Pengurusan pada 28 Oktober 2016.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2016 Tindakan : Bhg. P

KATEGORI : **PENTADBIRAN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **11**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Cadangan Pihak Pekerja supaya kawalan akses Boom Gate dilaksanakan menggunakan pas kerja KKLW.	Kawalan Boom Gate tidak dapat dilaksanakan kerana akses masuk juga digunakan untuk Kementerian-kementerian lain yang bersebelahan dengan KKLW.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2014 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 3/2016 Tindakan : Bhg. P
2.	Cadangan Pihak Pekerja supaya sistem aduan dalaman dan mesyuarat berkala bersama pihak Tuah Usaha Sdn. Bhd. dilaksanakan.	Bahagian P dan ICT akan membentangkan cadangan system tersebut kepada TKSU (PK)	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2014 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2016 Tindakan : Bhg. ICT

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
3.	Kenderaan jenis Proton Satria telah terlalu lama terbiar di <i>basement</i> Aras B4.	Kereta tersadai tersebut telah dikeluarkan daripada <i>basement</i> Aras B4 pada 16 Januari 2016.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2015 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2016 Tindakan : Bhg. P
4.	Cadangan agar Kementerian dapat menambahbaik sistem TAMS sedia ada.	Penambahbaikan TAMS akan dilaksanakan pada tahun 2017 menggunakan peruntukan penyelenggaraan bangunan.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2015 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2016 Tindakan : Bhg. P
5.	Cadangan supaya Dewan Serbaguna Aras B1 diberi nama khusus sebagaimana Bilik-bilik Mesyuarat di bangunan KKLW.	Pertukaran nama Dewan Serbaguna kepada Dewan Seri Lestari telah mendapat kelulusan KSU pada 3 Ogos 2016 dan digunakan secara rasminya mulai 15 Ogos 2016. Bahagian P telah membuat hebahan pertukaran nama dewan melalui e-mel bertarikh 5 Ogos 2016.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2015 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2016 Tindakan : Bhg. P
6.	Cadangan agar satu Unit Keurusetiaan peringkat Kementerian diwujudkan.	Cadangan pewujudan Unit Pengurusan Majlis telah diambilkira dalam Penstrukturan Semula Struktur Organisasi dan Pengukuhan Perjawatan KKLW 2016.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2015 Selesai pada : Mesy. Bil. 1/2016 Tindakan : Bhg. P
7.	Cadangan Pihak Pekerja supaya Kementerian mengadakan perbincangan secara berkala dengan pengusaha kafeteria. Ini adalah berikutan aduan/rugutan yang diterima khususnya berkaitan harga makanan yang tidak konsisten.	<i>Belum selesai</i>	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2016 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 1/2017 Tindakan : Bhg. P
8.	Wakil Pemandu bahawa terdapat rugutan daripada beberapa pemandu berkaitan pembayaran saman yang dikenakan ke atas mereka.	Bahagian P telah mengeluarkan peringatan kepada Pemandu agar mematuhi had laju. Pemandu juga diingatkan untuk mengemaskini Buku Log masing-masing dari semasa ke semasa.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2016 Tindakan : Bhg. P

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
9.	Cadangan Pihak Pekerja agar diwujudkan semula Waktu Bekerja Berperingkat (WBB)-WP1 di Kementerian berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007.	Pegawai/Kakitangan yang ingin menukar waktu bekerja perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan masing-masing dan memaklumkan kepada Bahagian P untuk pertukaran waktu bekerja dalam sistem TAMS.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2016 Tindakan : Bhg. P
10.	Pihak Pekerja telah menyediakan kertas cadangan penambahbaikan kaunter perkhidmatan pelanggan di lobi bangunan KKLW seperti yang diarahkan oleh YBhg. Dato' KSU pada Mesyuarat MBJ KKLW Bilangan 1 Tahun 2016 yang lalu.	Cadangan pengubahsuaian kaunter telah dibentang kepada YBhg. Dato' KSU pada 22 Ogos 2016 (Isnin). Pihak FITEC diberikan tempoh dua minggu untuk mengemukakan cadangan baharu mengikut komen kepada YBhg. Dato' KSU.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2016 Tindakan : Bhg. P
11.	Cadangan Wakil Pemandu agar semua Pemandu diberi taklimat berkaitan cara mengisi buku log yang betul.	Taklimat berkaitan penyediaan buku log yang tepat akan dimasukkan dalam Kursus Pemandu yang diadakan pada 2-4 September 2016.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 2/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 3/2016 Tindakan : Bhg. P

KATEGORI : **HAL-HAL LAIN**
JUMLAH ISU/CADANGAN : **8**

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1.	Saranan supaya Bahagian P mengenal pasti bakat-bakat baharu bagi menganggotai kumpulan koir KKLW.	<i>Belum selesai</i>	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2014 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 1/2017 Tindakan : Bhg. P

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
	Kertas cadangan penyediaan pakaian seragam Kumpulan Koir KKLW telah dikemukakan kepada YBhg. Datuk Seri KSU untuk kelulusan.		
2.	Cadangan Pihak Pekerja agar Kementerian mewujudkan kembali tudung dan tali leher korporat KKLW bagi pemakaian pada hari-hari tertentu terutama semasa penganjuran program/aktiviti Kementerian.	<i>Belum selesai</i>	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2015 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 1/2017 Tindakan : Bhg. P
3.	Penambahbaikan mekanisme pemilihan calon Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).	Garis panduan skema pemarkahan LNPT telah dikemukakan kepada warga KKLW dan INFRA melalui e-mel 28 Oktober 2016.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2015 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2016 Tindakan : Bhg. PSM
4.	Cadangan supaya Mesyuarat MBJ turut diadakan di luar pejabat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh pelantikan Ahli MBJ sesi 2016/2017.	Mesyuarat MBJ Bil. 2 Tahun 2016 telah diadakan di luar pejabat iaitu di KEDA Resort, Sik, kedah pada 23-25 Mei 2016 dengan kerjasama Agensi KEDA.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 4/2015 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2016 Tindakan : Urus setia MBJ
5.	Bahagian ICT menghadapi masalah peralatan ICT yang tidak mencukupi dan server yang terlalu perlahan.	<i>Belum selesai</i>	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2016 Selesai pada : Dibawa ke Mesy. Bil. 1/2017 Tindakan : Bhg. ICT
6.	Cadangan supaya semua anggota Kementerian diwajibkan untuk menjadi ahli Koperasi KKLW. Ini adalah bertepatan daripada usul Pihak Pekerja MBJ sendiri yang mencadangkan penubuhan Koperasi KKLW.	Bahagian PSM telah mengedarkan borang keanggotaan KSKKLW dan Koperasi Luar Bandar kepada Pegawai/Kakitangan yang melaporkan diri di Kementerian mulai bulan Mei 2016.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2016 Tindakan : Bhg. PSM

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
7.	Baju korporat KKLW yang telah diputuskan oleh pihak Pengurusan adalah berwarna putih.	Pemakaian baju korporat telah berkuatkuasa mulai 25 April 2016 pada setiap hari Isnin. Pegawai/Kakitangan diberi tempoh sehingga tiga (3) bulan mulai tarikh kuat kuasa bagi mendapatkan baju korporat dengan rekaan baharu.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 1/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 2/2016 Tindakan : Bhg. PSM
8.	Cadangan penambahbaikan pengurusan petugas di Kaunter Khidmat Pelanggan di lobi KKLW.	Jadual penggiliran petugas kaunter perkhidmatan pelanggan dikeluarkan pada setiap bulan oleh Bahagian PSM dan dimajukan kepada PTPO yang bertugas.	Dibangkitkan pada : Mesy. Bil. 3/2016 Selesai pada : Mesy. Bil. 4/2016 Tindakan : Bhg. PSM & UKK

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
(Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)